

TEKS UCAPAN

PERASMIAN KURSUS BINA NEGARA ASAS GURU-GURU BESAR DAERAH TUARAN

OLEH YB DATUK HAJI HAJIJI HAJI NOOR,

MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SABAH

MERANGKAP AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI N.10 SULAMAN

Assalamualaikum w.b.t.,

Saya berasa syukur ke hadrat Ilahi kerana diberi kesempatan untuk hadir bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan dalam program yang diatur khusus untuk kelompok pendidik yang bertanggungjawab mengurus institusi pendidikan peringkat sekolah rendah. Tuan-tuan dan puan-puan adalah kumpulan yang amat penting dalam menentukan kejayaan sistem pendidikan kebangsaan kita khususnya dalam menjayakan matlamat Plan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 - 2010. Oleh itu, saya ucapkan syabas di atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan dan tahniah kepada pihak Urus Setia kerana berjaya menganjurkan program ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati,

Saya melihat tuan-tuan dan puan-puan adalah kumpulan pengurus yang amat penting bagi memenuhi Misi Pendidikan Kebangsaan, yang kalau saya rumuskan terdapat empat fasa penting yang bukan saja sekadar perlu difahami malah dihayati oleh seluruh warga pendidik. Saya cuba memahami apa yang akan dicapai oleh seseorang murid pada akhirnya sepanjang hayat pembelajarannya dari peringkat sekolah rendah hingga ke pengajian tinggi melalui dasat yang diterapkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan kita. Oleh itu, sebagai kumpulan pengurus institusi pendidikan, saya mengajak tuan-tuan dan puan-puan merenung sejenak inti pati empat fasa utama yang terkandung dalam misi pendidikan kebangsaan kita iaitu;

- pendidikan berkualiti,
- bertaraf dunia,
- memperkembangkan potensi individu dan
- memenuhi aspirasi negara

Kalau saya sebagai pendidik, saya tertanya-tanya bagaimana saya meletakkan diri saya sebagai sumber pengurusan peringkat awal pembentukan modal insan yang dapat memenuhi aspirasi Negara Malaysia hari ini. Sudah tentu ini adalah satu amanah yang amat berat untuk saya pikul di bahu saya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Kita di Tuaran amat bernasib baik sebab berada dalam kedudukan pinggir bandar. Dalam masa 30 minit mungkin kita sudah sampai ke Bandaraya Kota Kinabalu. Dalam persekitaran yang begini, kita sentiasa terdedah dengan pelbagai elemen baru sama ada dari segi ekonomi, teknologi, politik, sosial, pendidikan dan sebagainya. Kita berdepan dengan berbagai-bagai cabaran dan sudah tentu dalam keadaan yang begini kita mempunyai ketahanan diri dan daya saing yang tinggi. Walau bagaimanapun, kita di Tuaran masih ketinggalan dari segi pencapaian pendidikan. Saya akui memang ada peningkatan dalam pencapaian peperiksaan awam kerajaan seperti UPSR bagi tahun lalu. Kita juga harus sedar bahawa di daerah Tuaran memang ada sekolah yang pencapaian akademiknya amat rendah sedangkan daerah kita bukanlah dalam kategori daerah yang tertinggal jauh di belakang dari segi frasarana pendidikan dan bekalan sumber tenaga pendidikannya. Sama ada kita suka atau tidak, kita harus menerima hakikat bahawa pencapaian sekolah-sekolah kita masih rendah.

Para hadirin yang saya hormati,

Tahap pencapaian pendidikan sekolah rendah khususnya di Daerah Tuaran perlu kita pertingkatkan. Walau apa juga kaedah mahupun pendekatan yang diguna pakai, saya percaya tuan-tuan dan puan-puan adalah individu yang amat arif untuk membuat pemilihan. Kita perlu sentiasa proaktif dalam menangani apa juga masalah yang timbul dalam melaksanakan program-program dalam Pelan Induk Pembangunan Negara kita agar kita tidak terus tertinggal di belakang. Tuan-tuan dan puan-puan harus sedar bahawa pada hari ini kita tidak lagi berada dalam persekitaran menuding jari menyalahkan pihak lain di atas segala masalah yang timbul atau apa juga kelemahan yang berlaku. Jika kita masih lagi menggunakan pendekatan yang begini, saya percaya kita akan terus ketinggalan di belakang, tahap pendidikan anak-anak didik kita masih rendah, budaya kerja kita sudah tidak relevan, dan akhirnya misi Pelan Induk Pendidikan Nasional sudah pasti gagal.

Saya berharap kursus singkat yang tuan-tuan dan puan-puan hadiri pada hari ini dapat memberi input yang sangat berguna; mungkin dari segi perubahan cara berfikir, pengetahuan, budaya kerja kita, sikap dan mungkin satu semangat baru. Insya Allah. Sebagai Wakil Rakyat, saya akan sentiasa berusaha untuk berdamping dengan tuan-tuan dan puan-puan, ataupun sekurang-kurangnya membantu mana-mana keperluan yang termampu saya sediakan bagi menjayakan misi Pendidikan Nasional kita, khususnya di peringkat sekolah. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan sentiasa bergembira sepanjang berada di sini dan manfaatkan apa juga pengisian kursus yang disediakan untuk tuan-tuan dan puan-puan.

Akhir kata, dengan lafaz Bismillahi Rahman Nirahim, saya rasmikan Kursus Bina Negara Asas Guru-Guru Besar Daerah Tuaran.

Sekian.